

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANA PERBANDARAN RENDAH KARBON  
BANDAR BARU BANGI BIL.01/2019**

---

**TARIKH : 28HB. JAN 2019 (ISNIN)**  
**MASA : 2.30 PETANG**  
**TEMPAT : BILIK MESYUARAT CEMPAKA PUTIH  
TINGKAT 7, MENARA MPKj**

**SENARAI KEHADIRAN**

**Hadir:**

1. Tuan Haji Najmuddin Bin Jemain : Timbalan Yang Dipertua, MPKj (Pengerusi)
2. YBhg. Datuk TPr. Nizam Bin Sahari, *DPSM* : Pengarah,  
Jabatan Perancangan Pembangunan,  
MPKj
3. En. Abdul Halim Bin Samah : Penolong Pengarah (Kanan),  
Jabatan Kejuruteraan,  
MPKj
4. En. Mahyudin Bin Zainy : Penolong Pengarah (Kanan),  
Jabatan Kejuruteraan  
MPKj
5. Pn. Zakiah Hani Binti Ahmad Bustaman : Arkitek,  
Jabatan Kawalan Bangunan,  
MPKj
6. Cik Khairani Binti Kamaludin : Penolong Pegawai Seni Bina (Kanan)  
Jabatan Kawalan Bangunan,  
MPKj
7. En. Nasaruddin Bin Muhammad : Penolong Jurutera,  
Jabatan Kejuruteraan,  
MPKj

8. En. Noor Adzeri Bin Adlan : Penolong Jurutera,  
Jabatan Kejuruteraan,  
MPKj
9. En. Mohammad Firdaus Bin Mohd Shah : Penolong Pegawai Pertanian,  
Jabatan Landskap dan Rekreasi,  
MPKj
10. En. Mohamad Shamir Bin Md Isa : Penolong Pegawai Pertanian,  
Jabatan Landskap dan Rekreasi,  
MPKj
11. Pn. Zuraidah Binti Osman : Penolong Pegawai Kesihatan  
Persekitaran,  
Jabatan Pengurusan Sisa  
Pepejal & Pembersihan Awam,  
MPKj
12. Pn. Siti Wahayu Binti Abdul Wahab : Penolong Pegawai Tadbir,  
Jabatan Perlesenan dan Penjaja,  
MPKj
13. Cik Nadhirah Binti Mohd Noor : Penolong Pegawai Tadbir,  
Jabatan Korporat &  
Pembangunan Masyarakat,  
MPKj
14. Pn. Norfarhana Binti Mohd Yusoff : Malaysian Green Technology  
Corporation (GreenTech Malaysia)

### **URUSETIA**

1. En. Low Kar Yong : Peg. Perancang Bandar & Desa (Kanan),  
Jabatan Perancangan Pembangunan,  
MPKj
2. Cik. Nurshazwani Binti Mohamad Osman : Peg. Perancang Bandar & Desa,  
Jabatan Perancangan Pembangunan,  
MPKj

3. En. Norsaini Bin Mat Isa	:	Pen. Peg. Perancang Bandar & Desa (Kanan), Jabatan Perancangan Pembangunan, MPKj
4. Pn. Siti Noriyati Binti Pakin	:	Pen. Peg. Perancang Bandar & Desa, Jabatan Perancangan Pembangunan, MPKj
5. Cik. Umi Noor Aqila Binti Zakaria	:	Pen. Peg. Perancang Bandar & Desa, Jabatan Perancangan Pembangunan, MPKj

## 1.0 UCAPAN PENGERUSI

- 1.1 Pengerusi mengucapkan salam sejahtera dan mengalu-alukan kehadiran semua yang hadir ke Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Perbandaran Rendah Karbon Bandar Baru Bangi Bil.01/2019.
- 1.2 Pengerusi memaklumkan bahawa mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk melaporkan status terkini program-program rendah karbon yang telah dilaksanakan dan penutupan akaun LCCFTrack bagi tahun 2018.
- 1.3 Pengerusi memaklumkan bahawa terdapat empat (4) program utama yang akan dibincangkan dalam mesyuarat ini iaitu Program Kompos, Program Kitar Semula Minyak Masak Terpakai, Program Pengasingan Sampah dan Program Penanaman Pokok yang melibatkan dua (2) jabatan teknikal MPKj iaitu Jabatan Landskap dan Rekreasi (JLR) dan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (JPSPPA).
- 1.4 Pengerusi juga memaklumkan bahawa terdapat penambahan dua (2) aspek pengukuran baru bagi projek tahun 2019 iaitu aspek tenaga dan pengangkutan yang akan melibatkan dua (2) jabatan teknikal MPKj iaitu Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Perancangan Pembangunan.
- 1.5 Pengerusi berharap semua jabatan teknikal yang terlibat dapat memberikan kerjasama khususnya dalam pelaksanaan program-program yang dicadangkan agar sasaran dapat dicapai dengan menyeluruh.

## 2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT LEPAS

- 2.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Perbandaran Rendah Karbon Bandar Baru Bangi Bil.3/2018 disahkan tanpa sebarang pindaan.

### **3.0 PERBINCANGAN PROGRAM TINDAKAN**

- 3.1 Wakil Jabatan Perancangan Pembangunan membentangkan secara ringkas berkaitan status terkini bagi empat (4) program-program utama yang telah dilaksanakan sehingga tahun berakhir Disember 2018 seperti berikut;
- i. Program Kompos: Kutipan sebanyak 204.55 tan;
  - ii. Program Minyak Masak Terpakai: Kutipan sebanyak 12.95 tan;
  - iii. Program Pengasingan Sisa Pepejal: Kutipan sebanyak 17.671 tan; dan
  - iv. Program Penanaman Pokok: 46 batang pokok telah ditanam.
- 3.2 Ahli mesyuarat bersetuju untuk meneruskan pelaksanaan empat (4) program ini bagi tahun 2019 sehingga 2035 bagi mendapatkan status Perbandaran Rendah Karbon.
- 3.3 Wakil Jabatan Perancangan Pembangunan memaklumkan bahawa terdapat dua (2) cadangan aspek baru yang akan dilaksanakan pada tahun 2019 iaitu:
- i. **Tenaga:** Penukaran lampu konvensional kepada lampu LED bagi lampu-lampu jalan dibawah penguatkuasaan MPKj di kawasan Bandar Baru Bangi.
  - ii. **Pengangkutan:** Laluan baru pengangkutan awam Bas Smart Selangor iaitu laluan KJ04 (Hentian Kajang – Pusat Bandar Baru Bangi – Putrajaya) dan KJ05 (Hentian Kajang – UKM – Pusat Bandar Baru Bangi).

***Tindakan: Makluman***

#### **PROGRAM KOMPOS**

- 3.4 Wakil Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (JPSPPA) memaklumkan antara langkah yang telah diambil bagi melaksanakan Program Kompos adalah seperti berikut:
- i. Hasil kutipan kompos bagi tempoh 15 Mac sehingga 31 Disember 2018 adalah tertinggi berbanding kutipan bagi kitar semula minyak masak dan pengasingan sampah iaitu jumlah kutipan sebanyak 204.55 tan dengan anggaran purata sebanyak 22.73 tan/bulan. Hasil kutipan ini adalah lebih tinggi berbanding dengan sasaran pihak Perunding 0.85 tan/bulan dan MPKj 9.12 tan/bulan.

***Tindakan: Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, MPKj***

#### **PROGRAM KITAR SEMULA MINYAK TERPAKAI**

- 3.5 Wakil JPSPPA memaklumkan pelaksanaan Program Kitar Semula Minyak Masak Terpakai di kawasan kajian adalah seperti berikut:

- i. Aktiviti kutipan sisa makanan untuk kompos telah dijalankan oleh anggota-anggota Jabatan bermula pada 15 Mac 2018 yang melibatkan lebih kurang 60 kedai makanan dalam Pusat Bandar, Seksyen 9, Bandar Baru Bangi.
  - ii. Hasil kutipan kompos bagi tempoh 15 Mac hingga 31 Disember 2018 adalah sebanyak 12.95 tan dengan purata 1.439 tan/bulan. Kutipan yang direkodkan ini adalah lebih rendah berbanding sasaran yang ditetapkan oleh pihak Perunding sebanyak 10.63 tan/bulan dan sasaran MPKj sebanyak 7.53 tan/bulan.
- 3.6 Wakil Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (JPSPPA) memaklumkan punca kutipan minyak masak terpakai yang rendah adalah disebabkan oleh penggunaan minyak masak secara maksima oleh pemilik premis makanan.

***Tindakan: Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, MPKj***

### **PROGRAM PENGASINGAN SAMPAH**

- 3.7 Wakil JPSPPA membentangkan tindakan-tindakan yang telah diambil bagi Program Pengasingan Sampah seperti berikut:
- i. Kakitangan Perniagaan Logam KSS Sdn Bhd telah mengutip sisa kitar semula dari premis-premis yang dikenalpasti pada setiap hari Khamis.
  - ii. Hasil kutipan bagi barang kitar semula bagi tempoh 15 Mac hingga 31 Disember 2018 adalah sebanyak 17.671 tan dengan purata 1.963 tan/bulan. Kutipan yang direkodkan ini adalah lebih rendah berbanding sasaran yang ditetapkan oleh pihak Perunding sebanyak 17 tan/bulan dan sasaran MPKj sebanyak 10.20 tan/bulan.

***Tindakan: Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, MPKj***

### **PROGRAM PENANAMAN POKOK**

- 3.8 Wakil Jabatan Landskap dan Rekreasi (JLR) membentangkan Program Penanaman Pokok bagi tahun 2018 seperti berikut:
- i. Terdapat 46 batang pokok telah di tanam dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM29,704.00.
  - ii. Sebanyak 41 pokok telah ditebang oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

***Tindakan: Jabatan Landskap dan Rekreasi, MPKj***

## **4.0 PERANCANGAN PROGRAM TAHUN 2019**

### **PROGRAM PENANAMAN POKOK**

- 4.1 Wakil Jabatan Landskap dan Rekreasi memaklumkan cadangan penanaman pokok bagi tahun 2019 sebanyak 158 batang sedang didalam proses kelulusan kertas kerja dan dijangka akan bermula pada Mei 2019 dengan jumlah jangkaan kos peruntukan sebanyak RM100,607.00.
- 4.2 Wakil Jabatan Landskap dan Rekreasi menjelaskan bahawa kos perbelanjaan bagi program penanaman 158 batang pokok ini akan menggunakan sumber kewangan dari Tabung Amanah Landskap.
- 4.3 Pengerusi mencadangkan lokasi Program Penanaman Pokok perlu disemak secara terperinci dengan mendapatkan pandangan serta maklum balas dari pemilik premis berdekatan terlebih dahulu sebelum program penanaman pokok di lokasi tersebut dijalankan.

***Tindakan: Jabatan Landskap dan Rekreasi, MPKj***

### **PROGRAM myRELAMP (PENUKARAN LAMPU KONVENTSIONAL (HPSV) KEPADA LAMPU LED)**

- 4.4 Wakil Jabatan Perancangan Pembangunan memaklumkan bahawa terdapat satu mesyuarat bersama Malaysian Green Technology Corporation (GreenTech Malaysia) dan wakil Jabatan Kejuruteraan telah diadakan pada 16hb. Januari 2019 (Rabu) bagi membincangkan mengenai projek myRelamp, iaitu projek penggantian lampu jalan LED di kawasan bandar.
- 4.5 Wakil Jabatan Perancangan Pembangunan memaklumkan bahawa projek myRelamp ini akan dibiayai oleh satu badan antarabangsa dan disokong oleh pihak Unit Perancang Ekonomi Malaysia.
- 4.6 Wakil Jabatan Kejuruteraan membentangkan inventori data jumlah unit lampu jalan yang telah diambil di kawasan Bandar Baru Bangi seperti berikut:
  - i. Jumlah keseluruhan unit lampu jalan jenis HPSV adalah sebanyak 2,138 unit di dua puluh satu (21) lokasi terpilih di sekitar kawasan Bandar Baru Bangi
  - ii. Jumlah unit lampu jalan jenis HPSV di kawasan Pusat Bandar Seksyen 9 adalah sebanyak 137 unit
- 4.7 Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan (JPP) mencadangkan supaya empat (4) kawasan utama dipilih bagi pelaksanaan projek myRelamp iaitu:
  - i. Pusat Bandar Seksyen 9 (137 unit lampu)
  - ii. Bangi Lakehill Villa, Seksyen 6 (29 unit lampu)
  - iii. Puncak Bangi, Seksyen 6 (48 unit lampu)
  - iv. Seksyen 8 (123 unit lampu)

- 4.8 Mesyuarat mengambil maklum cadangan Pengarah JPP mengenai penambahan pengukuran tenaga lampu LED bangunan di bangunan PKNS dimasuk kira sebagai salah satu elemen pengukuran di dalam LCCFTrack.

*Tindakan: Jabatan Kejuruteraan, MPKj*

#### **PROGRAM LALUAN BAS SMART SELANGOR (KJ04 DAN KJ05)**

- 4.9 Wakil Jabatan Perancangan Pembangunan membentangkan cadangan laluan baru bas Smart Selangor seperti berikut;
- i. **KJ04** (Hentian Kajang – Pusat Bandar Baru Bangi – Putrajaya) sepanjang 25.9km sehala dengan peruntukan sebanyak tiga (3) buah bas diesel dan dijangka akan beroperasi pada waktu kemuncak 6 pagi hingga 9 pagi serta 4 petang sehingga 7 malam.
  - ii. **KJ05** (Hentian Kajang – UKM – Pusat Bandar Baru Bangi) sepanjang 8.8km sehala dengan peruntukan sebanyak dua (2) buah bas diesel yang dijangka akan beroperasi pada 6 pagi sehingga 10 malam.
- 4.10 Mesyuarat bersetuju supaya pihak Jabatan Kejuruteraan menggunakan khidmat perunding trafik bagi mendapatkan "baseline data" kajian trafik di persimpangan utama laluan Bas Smart Selangor KJ04 dan KJ05 sebelum perkhidmatan Bas Smart Selangor (KJ04 dan KJ05) dilancarkan pada 1 Mac 2019 akan datang.
- 4.11 Wakil Jabatan Kejuruteraan mencadangkan penggunaan alat pengukur trafik digital yang tidak memerlukan sumber tenaga manusia yang banyak serta lebih selamat dan efektif.
- 4.12 Wakil Greentech Malaysia memaklumkan bahawa kenderaan Hybrid, EV dan NGV tidak diambil kira dalam pengiraan kajian trafik.

*Tindakan: Jabatan Perancangan Pembangunan, MPKj*

#### **5.0 HAL-HAL LAIN**

- 5.1 Wakil Greentech Malaysia memaklumkan bahawa satu bengkel akan diadakan bersama Jabatan Perancangan Pembangunan, Jabatan Landskap dan Rekreasi serta Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam MPKj pada bulan Februari bagi proses pelaporan dan penutupan akaun LCCFTrack tahun 2018.

*Tindakan: Jabatan Perancangan Pembangunan MPKj, Jabatan Landskap dan Rekreasi MPKj dan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam MPKj*

- 5.2 Mesyuarat bersetuju supaya wakil Jabatan Perancangan Pembangunan dan Jabatan Kejuruteraan untuk mengadakan satu lawatan tapak ke bangunan PKNS bagi meninjau pelaksanaan penukaran lampu LED di bangunan tersebut.

*Tindakan: Jabatan Perancangan  
Pembangunan MPKj dan Jabatan  
Kejuruteraan, MPKj*

## 6.0 PENUTUP

- 6.1 Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 3.55 petang.

Disediakan oleh:




**(NURSHAZWANI BINTI MOHAMAD OSMAN)**  
Pegawai Perancangan Bandar dan Desa,  
Jabatan Perancangan Pembangunan,  
Majlis Perbandaran Kajang

Disemak oleh:



**(DATUK NIZAM BIN SAHARI D.P.S.M)**  
Pengarah,  
Jabatan Perancangan Pembangunan,  
Majlis Perbandaran Kajang

Disahkan oleh:



**(HAJI NAJMUDDIN BIN JEMAIN)**  
Timbalan Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Kajang